



TARIKH	RABU, 08 JANUARI 2020
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	CUEPACS MAHU HIMPUN AHLI JUMPA JPA
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE, CUEPACS

Isu pemansuhan BIPK

CUEPACS mahu himpun ahli jumpa JPA

Kuala Lumpur: CUEPACS sedia menghimpunkan lebih 3,000 ahlinya untuk perjumpaan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi membincangkan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) untuk lantikan baharu penjawat awam.

Presidennya, Adnan Mat menegaskan, tindakan itu akan diambil jika JPA enggan mengadakan perbincangan atau sesi libat urus berhubung isu berkenaan.

"Setakat ini, kita belum bincang pelan sokongan jika JPA gagal menguruskan pertemuan ini (bagi membincangkan pemansuhan BIPK), namun kita boleh bawa lebih 3,000 ahli untuk

mengadakan perjumpaan serentak di JPA Putrajaya," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Adnan bersama Ahli Jawatankuasa CUEPACS mengadakan pertemuan dengan Majlis Senator Negara (MSN) di Parlimen bagi membincangkan isu pemansuhan BIPK serta perkara berbangkit lain mengenai penjawat awam.

Yang turut hadir, Presiden MSN, Senator Datuk Seri Khairuddin Abd Samad dan Setiausaha Kehormat MSN, Senator Raj Murni Sabu.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah JPA, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman dilaporkan berkata,

keputusan mengenai pemansuhan dan hala tuju BIPK akan dimuktamadkan Kabinet, hari ini.

Pada 25 Disember lalu, JPA memaklumkan pemansuhan BIPK hanya membabitkan pelantikan penjawat awam baharu mulai 1 Januari 2020, tidak menjejaskan penerima yang akan terus menikmati BIPK secara Khas Untuk Penyandang (KUP) mengikut kadar sedia ada.

Bagi pegawai yang berkhidmat secara kontrak, sekiranya tarikh tamat kontrak dan pelantikan semula melalui kontrak baharu pegawai secara terus-menerus dan tidak terputus tempoh perkhidmatan, mereka masih layak un-

tuk terus menerima BIPK dalam perkhidmatan kontrak.

BIPK diperkenalkan semasa Sistem Saran Baru (SSB) pada 1992 yang secara prinsipnya, tahap kritikal sesuatu perkhidmatan akan berubah mengikut keadaan dan keperluan berdasarkan kepada penawaran dan permintaan sesuatu disiplin perkhidmatan dalam pasaran semasa.

Menurut JPA, pemberian BIPK dari segi prinsipnya adalah tidak kekal serta boleh ditarik balik apabila sesuatu skim perkhidmatan tidak lagi kritikal. Selama 27 tahun sejak 1992, kajian BIPK dilaksanakan hanya tiga kali iaitu pada 1997, 2001 dan 2007.

DISEDIAKAN
OLEH

1-NORZEHAN BINTI NGADIRON (N44), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM